

DATE: 29/10/2009

Langkah pertama ke arah usaha menghapuskan perang

Tubuh Tribunal Jenayah Perang

KUALA LUMPUR 28 Okt. – Penubuhan Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur merupakan antara langkah pertama ke arah usaha menghapuskan perang dan menjadikan perang sebagai satu bentuk jenayah.

Pengerusi Pertubuhan Keamanan Sedunia Perdana (PGPO), Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, ia ditubuhkan kerana dunia sudah tidak boleh menunggu lebih lama untuk melihat kewujudan sebuah tribunal yang bersifat neutral.

“Tribunal yang ditubuhkan ini dianggotai oleh hakim yang tidak berpihak dan adil. Mereka bertindak berdasarkan undang-undang antarabangsa dan mengutamakan keadilan.

“Jika pihak yang dituduh gagal hadir, mereka boleh melantik peguam atau wakil. Jika tidak, kami akan melantik peguam untuk mereka,” katanya sewaktu menyampaikan ucapan pada Persidangan Antarabangsa Menjenayahkan Perang di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Menurut beliau, sejak sekian lama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan agensi-agensinya berada di bawah telunjuk negara-negara yang memenangi Perang Dunia Kedua, 60 tahun lalu.

“Kita tidak boleh mengharapkan keadilan daripada mereka sekiranya mahu menjadikan tindakan membunuh orang ramai sewaktu peperangan sebagai satu bentuk jenayah,” tegas beliau lagi.

Dr. Mahathir yang juga bekas Perdana Menteri menambah, prosiding

perbicaraan tribunal tersebut akan dilaksanakan secara adil dan seboleh-bolehnya mengikut prosedur sistem Common Law di Britain.

Katanya, kes hanya akan dibawa ke tribunal itu sekiranya Suruhanjaya Jenayah Perang Kuala Lumpur berpuas hati dengan bukti-bukti yang dikemukakan.

“Sekiranya para pesuruhjaya mendapati wujud kes maka mereka akan mengemukakan kepada tribunal tersebut dan barulah perbicaraan akan bermula.

“Keputusan seterusnya akan bergantung kepada pihak tribunal,” jelas beliau.

Tambah Dr. Mahathir, PGPO mungkin tidak akan dapat melaksanakan hukuman yang diputuskan oleh tribunal berkenaan.

“Namun, kami berharap kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di seluruh dunia akan memberikan perhatian kepada hukuman yang dijatuhkan oleh tribunal ini.

“Sekurang-kurangnya dunia boleh memulaukan pihak yang didapati bersalah,” katanya.

Jelas beliau, PGPO ingin mendapatkan kekuatan moral kerana badan berkenaan tidak akan memiliki kekuatan fizikal.

“Apa yang penting ialah membuat semua orang sedar mengenai kesan buruk perang dan jenayah yang dilakukan seseorang yang mengarahkan supaya manusia tidak berdosa dibunuh, diseksa selain memusnahkan sebuah negara.

“Saya percaya lambat-laun masyarakat dunia akan menerima bahawa peperangan ialah satu jenayah dan

UM - 29/10/09



DISEKSA

TIGA pelajar SMK Bagan Terap di Sungai Besar, Selangor melihat replika mangsa dera di sebuah kem tentera dalam Pameran Antarabangsa Menjenayahkan Perang di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

mengutuk mereka yang suka mencetuskan perang. Apabila ini berlaku dunia akan menjadi lebih aman,” katanya.

Beliau turut sedar perubahan minda berhubung peperangan bukan perkara yang mudah malah akan mengambil masa yang panjang dan mungkin merentasi beberapa

generasi.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir yang memetik kata-kata Confucius bahawa perjalanan seribu batu bermula de-

ngan langkah pertama menegaskan, beliau percaya langkah pertama telah dibuat menerusi penubuhan tribunal itu.